



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

JUMAAT, 29 DISEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

29/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	NANCY BANTU BAWA PULANG JENAZAH NURHASLINDA	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/nancy-bantu-bawa-pulang-jenazah-nurhaslinda-451826	ASTROAWANI.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1193556/doa-kami-dimakbulkan-jenazah-nurhaslinda-akan-dibawa-pulang-dari	BHARIAN.COM.MY
	https://www.myberitaterkini.com/2023/12/nancy-bantu-bawa-pulang-jenazah.html	MYBERITAKINI.COM
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2257816	BERNAMA.COM
	https://tvstv.my/2023/12/28/waris-nur-haslinda-hargai-sumbangan-nancy-orang-ramai-bantu-bawa-balik-jenazah/	TVSTV.MY
	https://dayakdaily.com/sarawakian-who-died-in-seoul-will-be-buried-in-kuching-thanks-to-kind-hearted-malaysians/	DAYAKDAILY.COM
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/12/28/santubong-mp-nancy-shukri-assists-wisma-putra-to-repatriate-remains-of-sarawakian-nurhaslinda-from-seoul/109592	MALAYMAIL.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1044948/nancy-shukri-bantu-bawa-pulang-jenazah-nurhaslinda	HMETRO.COM.MY
	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/478220	THEMALAYSIANINSIGHT.COM
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2257813	BERNAMA.COM
	https://www.newsarawaktribune.com.my/nancy-shukris-office-facilitates-swift-repatriation-of-deceased-sarawakian-from-south-korea/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	https://www.iloveborneo.my/jenazah-rakyat-sarawak-dari-korea-selatan/	ILOVEBORNEO.MY
	https://thesun.my/cerita/berita/nancy-bantu-bawa-pulang-jenazah-nurhaslinda-PI11916119	THESUN.MY
	https://thesun.my/local_news/santubong-mp-assists-wisma-putra-to-repatriate-nurhaslinda-s-remains-DI11916500	THESUN.MY
	https://suarasarawak.my/rakyat-sarawak-meninggal-di-seoul-dapat-perhatian-nancy-syukri/	SUARASARAWAK.MY
	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/12/994935/remains-nurhaslinda-be-brought-home-south-korea-next-week-nsttv	NST.COM.MY
	https://malaysiatribune.news/2023/12/28/keluarga-setuju-bawa-pulang-jenazah-nurhaslinda/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS
	https://harapanmadani.com/jenazah-nurhaslinda-di-korea-selatan-akan-dibawa-pulang-ke-malaysia-4-januari/	HARAPANMADANI.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

29/12/2023

<https://www.youtube.com/watch?v=Hxficu4Nwzw>

YOUTUBE

<https://www.themalaysianinsight.com/s/478216>

THEMALAYSIANINSIGHT.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	MAHKAMAH: PAK CIK LIWAT ANAK SAUDARA KENA PENJARA 10 TAHUN, TIGA SEBATAN	
	https://www.kosmo.com.my/2023/12/28/mahkamah-pak-cik-liwat-anak-saudara-kena-penjara-10-tahun-tiga-sebatan/	KOSMO.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2257839	BERNAMA.COM
	https://beta.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1193601/pembantu-gerai-dituduh-cium-mulut-remaja-perempuan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/12/28/mahkamah-pembantu-gerai-didakwa-amang-seksual-rakan-perempuannya/	KOSMO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/12/28/pembantu-restoran-dijatuhi-10-tahun-penjara-3-sebatan-liwat-anak-saudara/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.malaysiakini.com/news/691517	MALAYSIAKINI.COM
	https://selangorkini.my/2023/12/liwat-anak-saudara-tujuh-tahun-pembantu-restoran-dipenjara-10-tahun/	SELANGORKINI.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/12/28/pak-cik-liwat-anak-saudara-dipenjara-10-tahun-tiga-sebatan/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
3	TUKANG KEBUN DITUDUH ROGOL MURID OKU DALAM KERETA	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1193547/tukang-kebun-dituduh-rogol-murid-oku-dalam-kereta	BHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/rogol-wanita-oku-dua-lelaki-myanmar-dipenjara-13-tahun/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK




www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

29/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
4	ROGOL ANAK KENALAN, PENGANGGUR DIPENJARA 15 TAHUN DAN 3 SEBATAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1044932/rogol-anak-kenalan-penganggur-dipenjara-15-tahun-dan-3-sebatan	HMETRO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/12/28/penganggur-bersalah-rogol-anak-kenalan-dipenjara-15-tahun-tiga-sebatan/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/12/28/mahkamah-balasan-rogol-anak-kenalan-penganggur-dijel-10-tahun/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/641637/berita/semasa/penganggur-dipenjara-15-tahun-rogol-anak-kenalan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/12/1193590/penganggur-dipenjara-15-tahun-tiga-sebatan-rogol-anak-kenalan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=Dt6RXjJVWpg	YOUTUBE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
5	POLIS JEJAKI SUSPEK KES ROGOL REMAJA DI BAU	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/12/28/polis-jejaki-suspek-kes-rogol-remaja-di-bau	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://suarasarawak.my/remaja-15-tahun-dirogol-di-hotel-bau-2/	SUARASARAWAK.MY



Nancy bantu bawa pulang jenazah Nurhaslinda

Bernama

Disember 28, 2023 15:13 MYT



Arwah Arwah Nurhaslinda (kiri). Abdul Hafiz (kanan) dan bapanya Abdullah Mat mengadakan sidang media secara penstriman langsung bersama Nancy, baru-baru ini. - Foto Astro AWANI

KUCHING: Ahli Parlimen Santubong Datuk Seri Nancy Shukri menyerahkan sumbangan kewangan sebanyak RM31,082.25 bagi melancarkan proses membawa pulang jenazah warga Sarawak, Nurhaslinda Abdullah yang meninggal dunia di Seoul, Korea Selatan pada 25 Dis lepas.

Pejabat Ahli Parlimen Santubong dalam kenyataan hari ini memaklumkan sumbangan kepada Wisma Putra itu adalah bagi mempercepatkan proses pembayaran kos hospital, pengurusan jenazah dan pengkebumian jenazah Nurhaslinda.

"Sekiranya kita lambat untuk bertindak maka kos untuk proses ini akan meningkat. Maka dengan itulah, Pejabat Ahli Parlimen Santubong telah mendahului pembayaran ini secepat mungkin.

"Jenazah juga akan dibawa pulang dari Seoul, Korea Selatan pada 4 Jan depan," menurut kenyataan itu.

Semalam, media melaporkan keluarga Nurhaslinda, 30, memerlukan bantuan kewangan bagi proses pengebumiannya.

Nurhaslinda yang ke Korea Selatan pada September lepas untuk bekerja di sana, pernah menjalani pembedahan jantung berlubang 10 tahun lalu selain mempunyai masalah asma.

Mahkamah: Pak cik liwat anak saudara kena penjara 10 tahun, tiga sebatan

Oleh MOHD YUNUS YAKKUB 28 Disember 2023, 3:03 pm



Seorang lelaki dipenjara 10 tahun dan tiga sebatan oleh Mahkamah Sesyen Klang selepas didapati bersalah meliwat anak saudara perempuannya, tiga tahun lalu.-Foto AFIQ RAZALI

KLANG – Perbuatan terkutuk seorang pelayan restoran meliwat anak saudara perempuannya berusia tujuh tahun, tiga tahun lalu membawa padah apabila dipenjara 10 tahun dan tiga sebatan oleh Mahkamah Sesyen hari ini.

Hakim Syafeera Mohd. Said menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh yang merupakan pesalah muda semasa kejadian selepas meneliti segala hujahan pihak pendakwaan dan pembelaan selain laporan akhlak dan syor dikemukakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) termasuk khidmat masyarakat.

Hukuman penjara terhadap tertuduh yang kini berusia 20 tahun tersebut bermula hari ini.

Sepanjang tempoh pemenjaraan, lelaki itu diperintahkan menjalani kaunseling selain pengawasan polis selama dua tahun selepas tamat tempoh penjara berkenaan.

Mahkamah turut menolak penangguhan hukuman yang dipohon Peguam Muhammad Syawal Mohd. Razak yang mewakili tertuduh.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa dengan sengaja melakukan persetubuhan bertentangan dengan aturan tabii iaitu meliwat seorang kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun di sebuah rumah di Banting, Kuala Langat, pada pukul 11.30 malam, 27 Mac 2020.

Justeru, dia melakukan kesalahan mengikut Seksyen 377C Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman sehingga 20 tahun dan sebatan, sekiranya disabitkan kesalahan.

Terdahulu, pada prosiding mitigasi, Muhammad Syawal menyatakan ini merupakan kesalahan pertama anak guamnya dan diharap diberikan peluang kedua.

Katanya, tertuduh juga bekerja di sebuah kedai makan di Shah Alam dengan pendapatan RM1,000 sebulan.

"Anak guam saya merupakan anak bongsu daripada 11 beradik dan telah hilang tempat pergantungan selepas menjadi yatim piatu sejak berusia tujuh tahun sebelum tinggal bersama abangnya.


"Semasa kejadian, OKT (Orang Kena Tuduh) berusia 17 tahun dan merupakan pesalah muda," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya Nur' Ayuni Jamri bagaimanapun menegaskan, perlakuan OKT yang telah meliwat mangsa menunjukkan bahawa dirinya tiada sifat ihsan dan belas kasihan terhadap mangsa yang berusia tujuh tahun.

Jelasnya, pihak pendakwaan memohon Mahkamah yang mulia ini mengambil kira kekerapan kes-kes jenayah berbentuk seksual terhadap kanak-kanak yang semakin meningkat dan berleluasa terutama sekali di Selangor.

"Seperti mana kejadian buruk ini akan menghantui mangsa sepanjang hidupnya, begitu jugalah hukuman yang dikenakan kepada OKT mestilah dapat memberi pengajaran berat agar OKT insaf dan tidak sesekali mengulangi kesalahan jijik dan hina seperti ini," katanya.

Sepanjang prosiding perbicaraan bermula 3 April lalu menyaksikan seramai enam saksi masing-masing dikemukakan pihak pendakwaan dan pembelaan. -KOSMOIONLINE



Tukang kebun dituduh rogol murid OKU dalam kereta

Oleh Alias Abd Rani - Disember 28, 2023 @ 12:37pm
bhnews@bh.com.my



MUAR: Seorang tukang kebun didakwa di Mahkamah Majistret hari ini atas pertuduhan merogol murid perempuan orang kurang upaya (OKU) intelektual dalam kereta di tepi Jalan Bakri, tahun lalu.

Tertuduh, Nilhakim Kassim, 45, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan sebaik pertuduhan dibaca oleh jurubahasa di hadapan Majistret Fatin Dalilah Khalid.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan perbuatan itu ke atas mangsa berusia sembilan tahun, dalam kereta miliknya yang diparkir tepi jalan.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan, yang membawa hukuman penjara hingga 20 tahun dan juga sebatan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Arif Marzuki manakala tertuduh tidak diwakili peguam.


Pada prosiding itu, mahkamah tidak menawarkan jaminan terhadap tertuduh kerana kes ini di bawah bidang kuasa Mahkamah Sesyen.

Kejadian itu berlaku tahun lalu, ketika tertuduh bekerja di sekolah mangsa, membawanya bersiar-siar dengan menaiki kereta.

Sebaik tiba di lokasi, tertuduh memberhentikan keretanya di tepi jalan lalu merogolnya dan mangsa dilaporkan tidak melawan malah hanya menuruti perintah tertuduh.

Bagaimanapun, mangsa hanya menceritakan kejadian itu bulan lalu kepada ibu angkatnya berusia 62 tahun. Susulan itu, mangsa ditemani ibu angkat membuat laporan di Balai Polis Bakri.

Susulan pengakuan tidak bersalah tertuduh, mahkamah menetapkan kes ini disebut semula di Mahkamah Sesyen pada 16 Januari depan untuk serahan dokumen dan juga laporan perubahan.



Rogol anak kenalan, penganggur dipenjara 15 tahun dan 3 sebatan

Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my



TERTUDUH didapati bersalah merogol anak kenalan berusia 12 tahun, tahun lalu. FOTO Faiz Anuar.

Klang: Penganggur dihukum penjara 15 tahun dan tiga sebatan oleh Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini kerana merogol anak kenalannya, tahun lalu.

Hakim Syafeera Mohd Said menjatuhkan hukuman itu ke atas Mohamad Zainol Hafiz Mohamad Azmi, 26, selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah di akhir kes.

Mengikut pertuduhan, bapa kepada tiga anak itu didakwa merogol kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun di sebuah rumah di Tanjong Karang, di sini pada 4 pagi, 6 Februari 2022.


Dia didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan hendaklah juga dikenakan sebat.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Nurul 'Izzati Mohamad memohon hukuman berat ke atas tertuduh kerana kesalahan itu serius dan membabitkan mangsa bawah umur.

"Mangsa juga mempunyai hubungan rapat dengan isteri dan anak-anak tertuduh. Sebagai orang dewasa sepatutnya menjaga dan melindungi kanak-kanak dan bukannya mengambil kesempatan ke atas mangsa yang berumur 12 tahun," katanya.

Bagaimanapun, peguam Izzat Amir Saharudin yang mewakili tertuduh merayu hukuman ringan mengambil kira ia kesalahan pertama tertuduh dan masih mempunyai tiga anak masih kecil.

Seramai enam saksi pendakwaan dan tiga saksi pembelaan termasuk tertuduh memberi keterangan sepanjang perbicaraan bermula 4 September lalu.



Polis jejak suspek kes rogol remaja di Bau

© 2023-12-28T09:58:44+08:00




KUCHING: Polis sedang menjejaki suspek kes rogol seorang remaja berumur 15 tahun di sebuah hotel di Bau, pada Rabu.

Ketua Polis Daerah Bau Deputy Superintenden Jawai Francis Kempas berkata, pihaknya menerima laporan pada jam 12.47 pagi yang dibuat oleh mangsa sendiri.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara selama tempoh boleh sampai 20 tahun dan hendaklah dihukum dengan sebatan,” katanya dalam satu kenyataan, pada Rabu.

Jawai memberitahu, pihaknya masih meneruskan usaha untuk mengesan dan menangkap suspek yang terlibat.

“Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian itu atau suspek yang terlibat diminta menyalurkan terus kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bau menerusi talian 082-763311 atau mana-mana balai polis berhampiran,” katanya.



TAJUK : **MAGGI KOMITED PERKASA KEMAHIRAN KAUM WANITA**

HARI : **JUMAAT**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **29 DIS 2023**

M/SURAT : **07**

TONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

PMWCBM BERI INSPIRASI WANITA BERANI CUBA SESUATU YANG BAHARU

MAGGI® komited perkasa kemahiran kaum wanita

Wanita memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Memperkasakan kuasa ekonomi wanita adalah salah satu penyelesaian utama bagi meningkatkan pertumbuhan diri dan kreativiti masyarakat agar mereka mampu bersaing dalam peringkat ekonomi global.

Oleh itu, keterbaitan lebih ramai wanita dalam tenaga kerja adalah penting untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat sekali gus memajukan ekonomi negara.

Wanita membentuk kira-kira 49 peratus daripada jumlah penduduk global dengan jangka hayat yang lebih panjang berbanding lelaki.

Justeru, adalah penting keupayaan mereka diperkukuh dan dimanfaatkan, demi menjamin kekuatan pegangan ekonomi bagi kaum wanita dan membangunkan masyarakat yang lebih progresif serta dinamik untuk masa depan yang lebih cerah.

Walaupun terdapat jurang gaji antara lelaki dan wanita di Malaysia, namun wanita terus mencapai kemajuan luar biasa dalam pelbagai bidang, menunjukkan ketahanan, kecekapan dan kepimpinan yang cara mereka yang tersendiri.

MAGGI® menyambut baik pencapaian dan semangat kaum wanita selain mengakui kehebatan serta sumbangan mereka dalam pembangunan masyarakat dan negara.

Bagaimanapun, pelbagai cabaran yang sering dihadapi wanita antaranya rintangan dalam pasaran pekerjaan seperti kekurangan mentor, sokongan, peluang kerjaya, diskriminasi gender, masalah keseimbangan budaya pekerjaan, cabaran budaya, sokongan penjagaan anak yang tidak mencukupi dan sebagainya.

Oleh itu, MAGGI® komited dalam memperkasakan dan memberikan sokongan padu serta peluang kepada kaum wanita untuk mengembangkan kemahiran mereka menerusi inisiatif Program Wanita Cukup Berani MAGGI® (PMWCBM) yang dilancarkan sejak 2020.

PMWCBM yang kini masuk musim ke-3 dianjurkan dengan kerjasama MAGGI® dan tiga syarikat gergasi teknologi dunia

iaitu Google, TikTok dan Meta.

Kali ini, misi PMWCBM adalah memperkasakan dan memberi inspirasi bagi kaum wanita untuk keluar dari zon selesa serta berani mencuba sesuatu yang baharu dalam bidang penciptaan makanan dan penciptaan konten makanan di media sosial sekaligus membantu mereka meningkatkan lagi ekonomi keluarga menerusi makanan.

Program Peningkatan Kemahiran Digital & Mentor

PMWCBM merangkumi bengkel penguasaan digital bersama Google, TikTok, dan Meta yang diharapkan dapat membantu mereka mendigitalkan kemahiran masakan yang dimiliki melalui penghasilan konten sekali gus dapat menjana pendapatan sampingan bagi mempertingkatkan ekonomi keluarga dan komuniti.

Program ini merangkumi rancangan televisyen (TV) yang dikenali sebagai Resipi Berani MAGGI® dengan misi memberi inspirasi kepada wanita untuk menggalakkan mereka keluar dari zon selesa dan mencuba sesuatu yang baru melalui makanan.

Dalam program ini, peserta diberi pelbagai cabaran oleh mentor yang terkenal dalam industri makanan untuk membantu mereka mengatasi ketakutan sekali gus meningkatkan keyakinan diri.

Mentor PMWCBM, Anne Idris berkata program ini adalah salah satu platform yang bagus dalam pemerkasakan wanita kerana ia menyediakan latihan dan peluang untuk membangunkan kemahiran.

"Kalau dilihat, kini banyak program pemerkasakan wanita tetapi kelainan program ialah ia membantu peserta belajar sesuatu yang baru yang belum pernah dilakukan dan keluar dari zon selesa.

"Sebelum peserta pergi ke peringkat akhir, program ini sudah mempersiapkan mereka dalam pelbagai ilmu pengetahuan seperti pengurusan per-



HIDAYAH (tengah) ketika menyertai program Resipi Berani MAGGI® Musim Pertama.



MENTOR MAGGI® Sheila Rusly (kiri), Eina Azman (tengah) dan Anne Idris (kanan).

niagaan, penggunaan digital dalam perniagaan dan sebagainya.

"Jadi, peserta yang tidak berjaya ke peringkat seterusnya juga mendapat ilmu dari bengkel yang disediakan," katanya.

Rancangan Resipi Berani MAGGI® Musim Ke-3 Kembali Dengan Cabaran & Habuan Hebat

Rancangan realiti Resipi

Berani MAGGI® kini kembali dengan musim ketiga yang akan menampilkan empat episod.

Daripada ribuan peserta, seramai 21 wanita bakal dipilih bagi meneruskan cabaran siri kulineri dan usahawanan sekali gus memperlihatkan bagaimana mereka mencabar diri untuk mencuba sesuatu yang baru dan meningkatkan keupayaan mereka.

Rancangan ini juga menjanjikan lebih banyak ke-

berubah dalam perniagaan saya," katanya.

Bagi juara Resipi Berani MAGGI® Musim Kedua pula, Nur Syahidah Amullah, 32, yakin dengan pengalaman dan bimbingan yang diperoleh sepanjang program ini, peserta dapat menyerahkan bakat yang terpendam dalam diri.

"Sebelum ini saya agak kekok mempromosikan produk sendiri dan lebih selesa di belakang tabir.

"Tapi kini saya lebih berani menonjolkan diri bagi mempromosikan produk saya iaitu pek travel Rendang Dendeng daging by Syahidah Food," katanya.

Musim Ke-3 Lebih Mencabar & Menarik

Penggemar Makanan dan Duta Jenama MAGGI® Cukup Rasa, Datin Paolka Eina Azman berkata ramai wanita di luar sana mempunyai bakat tetapi takut untuk mencuba sesuatu yang baru.

Menurutnya yang juga Mentor MAGGI®, dengan adanya program ini, ia dapat membantu wanita-wanita ini mengambil langkah pertama dan mencuba sesuatu yang baru.

"Pada mulanya semua peserta kebanyakannya takut, tidak ada keyakinan tetapi selepas beberapa ketika mencuba dan bimbingan diberikan, mereka keluar dari zon selesa.

"Ada daripada mereka yang berani, ada yang tak tahu bagaimana nak buat tetapi teringin. Dua contoh adalah Syahidah dan Hidayah, juara Resipi Berani Musim 1 dan 2.

"Mereka berdua ada masalah kurang keyakinan diri dan malu bertanya, tapi selepas sesi bengkel bersama Anne Idris dengan Sheila Rusly, mereka menjadi lebih berani," katanya yang juga terkenal dengan konten video masakan buatan sendiri yang popular di laman Instagram miliknya ([instagram.com/itsdonebyeinaazman/](https://www.instagram.com/itsdonebyeinaazman/)).

Eina berkata ramai wanita di luar sana memiliki bakat terpendam namun takut untuk mencuba sesuatu yang baharu.



TAJUK : SYUKUR JENAZAH DIBAWA PULANG

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 DIS 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



ABDULLAH (kiri) dan Abdul Hafiz ketika sidang video bersama Nancy.

WANITA MENINGGAL DUNIA DI SEOUL

Syukur jenazah dibawa pulang

Oleh Mohd Roji Kawi
am@hmetro.com.my

Kuching

“Syukur alhamdulillah, doa kami dimakbulkan.

Akhirnya jenazah anak saya akan dibawa balik,” kata Abdullah Mat, selepas dihubungi pegawai Kedutaan Malaysia di Seoul, Korea yang memaklumkan jenazah anaknya Nurhaslinda Abdullah, akan dibawa balik ke Malaysia, 4 Januari ini.

Abdullah, 64, berkata, sebelum ini mereka sekeluarga reda jika anaknya terpaksa dikuburkan di negara Asia Timur itu berikutan kekangan kewangan untuk membawa jenazah balik ke Sarawak.

Bagaimanapun, sebaik menerima panggilan itu semalam, beliau lega kerana hasratnya untuk melihat anak keempat daripada enam beradik itu di kuburkan di kampung halaman di Kampung Sejingkat, di sini.

“Berikutan kos membawa pulang jenazah anak saya itu terlalu mahal kami sekecuaara berbin-cang dan sepatutnya untuk kuburkannya di sana.



NURHASLINDA

“Ia satu keputusan yang berat dan surat kebenaran daripada Kedutaan Malaysia untuk membenarkan adik saya itu dikuburkan di sana juga sudah kami tandatangani.

“Namun, sebaik menerima panggilan daripada pegawai kedutaan, ternyata doa kami dimakbulkan dan memang rezeki anak saya balik ke sini,” katanya selepas berkomunikasi dengan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri menerusi sidang video di pejabat Pusat Khidmat Ahli Parlimen Santubong, di sini, semalam.

Abdullah berkata, Nurhaslinda yang bekerja di Korea Selatan sejak September lalu sebelum ini bekerja di Kuala Lumpur. “Dia pernah menjalani

pembedahan akibat jantung berlubang 10 tahun lalu dan dia ada mengadu dengan abangnya mengenai keadaan kesihatannya sebelum dimaklumkan meninggal dunia Selasa lalu,” katanya.

Nurhaslinda, 30, meninggal dunia dalam perjalanan ke Hospital Cheonju dan jenazahnya kini masih ditempatkan di hospital berkenaan sementara menunggu proses untuk menerbangkannya balik ke Malaysia.

Abang alahyarham, Abdul Hafiz Abdullah pula berkata, mereka sekeluarga terharu dengan keprihatinan orang ramai yang menghulurkan sumbangan selepas kesulitan yang dihadapi disiaran Harian Metro, kelmarin. “Selepas berita itu disiarkan, sumbangan orang ramai mencecah RM50,000 malam tadi (malam kelmarin)...alhamdulillah, terima kasih kepada orang ramai yang bermurah hati menyumbang untuk meringankan beban kami.

“Terima kasih juga buat Datuk Seri Nancy yang banyak membantu mengurus dokumentasi serta Kedutaan Malaysia di Korea Selatan yang mem-

bantu menguruskan jenazah adik saya dan berusaha untuk membawanya balik ke sini,” katanya.

Sementara itu, Nancy yang kini berada di ibu negara menerusi sidang video bersama Abdullah dan Abdul Hafiz berkata, pihaknya menyalurkan sumbangan awal berjumlah RM31,082.25 kepada Wisma Putra bagi mempercepatkan proses pembayaran kos hospital, pengurusan jenazah dan pengebumian jenazah Nurhaslinda di Korea Selatan.

“Kami menyalurkan sumbangan itu bagi membolehkan dikuburkan segera selepas keluarganya bersetuju untuk dikuburkan di sana kerana tidak mahu jenazahnya disimpan terlalu lama di dalam bilik sejuk, malah kalau terlalu lama kos pengebumian juga akan meningkat.

“Namun, sebaik dimaklumkan jenazah akan dibawa balik, saya bersyukur dan setinggi penghargaan buat Kedutaan Malaysia di sana terutamanya pegawai Bahagian Konsular Wisma Putra, Arsi Shah Erwan dan Setiausaha kedua Kedutaan Besar Malaysia di Seoul, Sofiah Othman,” katanya.

Duit sumbangan pengebumian cukup

Kuala Lumpur: “Alhamdulillah, duit sumbangan untuk pengebumian adik saya sudah mencukupi hasil sumbangan orang ramai selepas Harian Metro menyiarkan berita itu.”

Begitu kata Abdul Hafiz Abdullah, 35, abang kepada rakyat Malaysia, Nurhaslinda Abdullah, 30, yang meninggal dunia di Korea Selatan Isnin lalu.

Abdul Hafiz berkata, dia dan keluarganya mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada rakyat Malaysia yang meringankan beban mereka sekeluarga dalam menguruskan jenazah arwah adiknya.

“Allah SWT sahaja yang mampu membalas kebaikan semua.

“Terima kasih kepada Harian Metro kerana menyiarkan berita ini. Sebelum ini kami hanya mampu mengumpul RM13,000, tetapi selepas berita disiarkan oleh Harian Metro maka ramai yang menghulurkan sumbangan sehingga

sehingga



Terima kasih kepada Harian Metro kerana menyiarkan berita ini. Sebelum ini kami hanya mampu mengumpul RM13,000 tetapi selepas berita disiarkan oleh Harian Metro maka ramai yang menghulurkan sumbangan sehingga mencecah RM38,000”

Abdul Hafiz

mencecah RM38,000,” katanya.

Katanya, kos untuk urusan pengebumian jenazah adiknya sudah mencukupi dan permohonan sumbangan orang ramai dapat dihentikan.

Portal Harian Metro kelmarin melaporkan Nurhaslinda pergi bekerja kilang di negara terabit sebelum mengalami sesak nafas dan meninggal dunia.

Sumbang RM31k lancar proses bawa pulang

Kuching: Ahli Parlimen Santubong Datuk Seri Nancy Shukri menyerahkan sumbangan kewangan RM31,082.25 bagi melancarkan proses membawa pulang jenazah warga Sarawak, Nurhaslinda Abdullah yang meninggal dunia di Seoul, Korea Selatan pada 25 Disember lalu.

Pejabat Ahli Parlimen Santubong dalam kenyataan semalam memaklumkan sumbangan kepada Wisma Putra itu adalah bagi mempercepatkan proses pembayaran kos hospital, pengurusan jenazah dan pengebumian jenazah Nurhaslinda.

“Sekiranya kita lambat untuk bertindak maka kos untuk proses ini akan meningkat. Maka dengan itulah, Pejabat Ahli Parlimen Santubong mendahului pembayaran ini secepat mungkin.

“Jenazah juga akan di-



NANCY

bawa pulang dari Seoul, Korea Selatan pada 4 Januari depan,” menurut kenyataannya itu.

Semalam, media melaporkan keluarga Nurhaslinda, 30, memerlukan bantuan kewangan bagi proses pengebumiannya.

Nurhaslinda yang ke Korea Selatan pada September lepas untuk bekerja di sana, pernah menjalani pembedahan jantung berlubang 10 tahun lalu selain mempunyai masalah asma.



TAJUK : TUKANG KEBUN NAFI NODA MURID OKU

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 DIS 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



TUKANG kebun diringi anggota polis di pekarangan mahkamah selepas didakwa merogol murid OKU. - Gambar/ALIAS ABD RANI

Tukang kebun nafi noda murid OKU

Muar: Seorang tukang kebun didakwa di Mahkamah Majistret di sini, semalam, atas pertuduhan merogol murid perempuan orang kurang upaya (OKU) intelektual dalam kereta di tepi Jalan Bakri di sini, tahun lalu.

Tertuduh, Nilhakim Kassim, 45, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan sebaik pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Ma-

jistret Fatin Dalilah Khalid. Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan perbuatan itu ke atas mangsa berusia sembilan tahun dalam kereta miliknya yang diparkir tepi jalan pada tahun lalu.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan, penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya

Mohammad Arif Marzuki manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Pada prosiding itu, mahkamah tidak menawarkan jaminan terhadap tertuduh kerana kes ini di bawah bidang kuasa Mahkamah Sesyen.


Kejadian itu berlaku tahun lalu, ketika tertuduh bekerja di sekolah mangsa dan membawanya bersiar-siar dengan menaiki kereta.

Bagaimanapun, mangsa

hanya menceritakan kejadian itu bulan lalu kepada ibu angkatnya berusia 62 tahun.

Susulan itu, mangsa ditemani ibu angkat membuat laporan di Balai Polis Bakri di sini.

Susulan pengakuan tidak bersalah tertuduh, mahkamah menetapkan kes ini disebut semula di Mahkamah Sesyen pada 16 Januari depan untuk serahan dokumen dan juga laporan perubatan.



TAJUK :	WOMAN'S BODY TO BE REPATRIATED FROM SEOUL		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	29 DIS 2023	M/SURAT :	13
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



Nurhaslinda Abdullah

PRAYERS ANSWERED

Woman's body to be repatriated from Seoul

KUCHING: The remains of Nurhaslinda Abdullah, 30, who died in South Korea last Monday, will be repatriated on Jan 4.

"Thank God, our prayers have been answered. Finally, my child's remains will be brought back," her father, Abdullah Mat, 64, said after being contacted by officials from the Malaysian embassy in Seoul.

Abdullah said that previously, the family had resigned themselves to the possibility of burying their daughter in South Korea due to financial constraints in bringing her remains back to Sarawak.

However, upon receiving the phone call yesterday, he expressed relief as it had always been their desire to have her buried in her hometown of Kampung Sejingkat.

"We had signed the authorisation from the Malaysian embassy to allow for her burial there.


"However, upon receiving the call from the embassy official, we are grateful that our prayers have been answered."

Earlier, Abdullah was on a video call with Women, Family, and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri at the Santubong Parliamentary Service Centre office.

He said Nurhaslinda had been working in South Korea since September.

"She underwent heart surgery about 10 years ago due to a hole in her heart, and she had complained to her brother about her health condition before her passing."

She died en route to Cheonju Hospital, and her body is being held at the hospital, awaiting the process to be flown back.



TAJUK :	MAN GETS 10 YEARS' JAIL FOR COMMITTING UNNATURAL SEX ON NIECE		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	29 DIS 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Man gets 10 years' jail for committing unnatural sex on niece

KLANG: A restaurant assistant was sentenced to 10 years' imprisonment and three strokes of the cane by the Sessions Court here yesterday after being found guilty of committing unnatural sex on his seven-year-old niece three years ago.

Judge Syafeera Mohd Said ordered the 20-year-old man to serve the jail sentence from yesterday, and to undergo counselling throughout his imprisonment, as well as to be placed on a two-year supervision after serving his time.

He was charged with committing carnal intercourse

against the order of nature without consent on the victim at a house in Banting near here at 11.30pm on March 27, 2020.

The charge, under Section 377C of the Penal Code, provides for a maximum 20-year jail term and whipping upon conviction.

Deputy Public Prosecutor Nur Ayuni Jamri appeared for the prosecution, while the man was represented by counsel Muhammad Syawal Mohd Razak.


In the same court, a stall assistant pleaded not guilty to committing physical sexual assault on his 17-year-old female

friend at an apartment unit in Bandar Saujana Putra, Kuala Langat at 1pm on Oct 29.

Ahmad Iszhar Hardy, 20, was charged under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017 which is punishable by up to 20 years imprisonment and whipping, upon conviction.

Syafeera allowed the accused bail of RM8,000 in one surety and required him to report to the nearest police station once a month and to avoid harassing the victim.

She set Feb 2 for mention of the case. — Bernama



TAJUK : [NANCY ASSISTS WISMA PUTRA TO REPATRIATE REMAINS OF DECEASED SARAWAKIAN WOMAN](#)

HARI : [JUMAAT](#)

AKHBAR : [THE BORNEO POST](#)

TARIKH : [29 DIS 2023](#)

M/SURAT : [03](#)

TONE : [POSITIF](#)

SEKTOR : [KPWKM](#)

Home

Nancy assists Wisma Putra to repatriate remains of deceased Sarawakian woman


KUCHING: Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri has presented a sum of RM31,082.25 to Wisma Putra to help repatriate the remains of Nurhaslinda Abdullah, a Sarawakian who passed away in Seoul, South Korea on Dec 25. In a statement yesterday,

the Santubong MP said the funds are meant to expedite the process of settling hospital bills, management of the remains, and burial costs.

"If we delay the process, the cost will just increase. So, the office of the Santubong MP has advanced the payment first. Her remains will be brought home

from Seoul on Jan 4," she said.

The media reported that the family of Nurhaslinda, 30, needed financial assistance to repatriate her remains. Nurhaslinda, who started working in South Korea in September, had surgery for a hole in her heart 10 years ago and was also an asthma patient. — Bernama



TAJUK :	10 YEARS FOR PERFORMING UNNATURAL SEX ACTS ON A CHILD		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	29 DIS 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

10 years for performing unnatural sex acts on a child

KLANG: A restaurant assistant has been sentenced to 10 years' jail and three strokes of the cane by the Sessions Court here after being found guilty of committing unnatural sex on his seven-year-old niece three years ago.

Judge Syafeera Mohd Said ordered the 20-year-old man to serve the jail sentence from yesterday and undergo counselling

throughout his imprisonment, as well as be placed on two-year probation supervision after completing his time. He was charged with committing carnal intercourse against the order of nature without consent on the victim at a house in Banting, near here, at 11.30pm on March 27, 2020.

The charge, under Section 377C of the Penal Code, provides for a


maximum 20-year jail term and whipping upon conviction.

In the same court, a stall assistant pleaded not guilty to committing physical sexual assault on his 17-year-old female friend at an apartment unit in Bandar Saujana Putra, Kuala Langat, at 1pm on Oct 29.

Ahmad Iszhar Hardy, 20, was charged under Section 14(a) of

the Sexual Offences Against Children Act 2017, which is punishable by up to 20 years' jail, and also whipping, upon conviction.

Syafeera allowed the accused bail of RM8,000 in one surety and required him to report to the nearest police station once a month and avoid harassing the victim. She set Feb 2 for mention of the case.



TAJUK : 15 YEARS' JAIL FOR RAPING 12-YEAR-OLD

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 29 DIS 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

15 years' jail for raping 12-year-old

KLANG: A 26-year-old man who raped his friend's 12-year-old daughter has been sentenced to 15 years' jail.


The Sessions Court here also ordered the jobless man to be given three strokes of the cane after finding him guilty of the charge following a full trial.

Judge Syafeera Mohd Said passed the sentence on the accused, ruling that the defence had failed to raise a reasonable doubt at the end of the defence case.

She ordered him to serve the jail sentence from yesterday and undergo counselling throughout his imprisonment, as well as be placed on two-year probation supervision after completing his time.

He was charged with raping the girl at a house in Tanjong Karang near here at 4am on Feb 6, 2022, according to Bernama.

The charge, under Section 376 (1) of the Penal Code, provides for a maximum 20-year jail term and whipping upon conviction.



TAJUK : COUPLE CARES FOR DISABLED CHILD ABANDONED BY MOTHER

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 29 DIS 2023

M/SURAT : 12

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Couple cares for disabled child abandoned by mother

A COUPLE in Seremban have dedicated their lives to caring for a disabled child they hope to adopt, reported *Utusan Malaysia*.

Despite living in poverty, Nurul Aneesa Mohd Zainal and her husband Mohd Syafiq Ismail, 30, started taking care of Adell Sofea Fairuz in 2017, after the girl's mother said she wanted to continue her studies.

Nurul Aneesa, 33, said the mother, however, disappeared shortly after and could not be contacted.

"I was suffering from frequent miscarriages at the time and wanted to help, so I decided to help care for Adell Sofea, but I didn't expect her mother to just disappear," she said when met at her home.

Things took a turn for the worse when the then nine-month-old Adell began experiencing symptoms of cerebral palsy.

"A week after I started taking care of Adell Sofea, she suddenly developed a high fever which was followed by stunted growth over

the next few months.

"She couldn't eat rice-based food anymore either; it caused serious complications in her body," said Nurul Aneesa.

She and her husband, however, remain steadfast in their love for Adell, whom they hope to officially adopt.

"Right now, I don't have a confirmation letter as her adoptive mother due to Adell Sofea's missing mother, so it has been quite difficult when it comes to hospital admissions or buying insurance

for her," she added.

> Rock guitarist AG Coco has been hospitalised due to stage three kidney problems, *Kosmo!* reported.

AG, 39, who plays for popular rock band Hujan, is also suffering from severe kidney stones that have clogged his kidneys, according to his wife Zuliana Eusoff.

Zuliana also shared her heartbreak at not being able to be there for her husband as she is currently living in London with their six-year-old son.



TAJUK : JAIL, CANING FOR COMMITTING UNNATURAL SEX

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 29 DIS 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Jail, caning for committing unnatural sex

KLANG: A restaurant assistant was sentenced to 10 years' imprisonment and three strokes of the cane by the Sessions Court here yesterday after being found guilty of committing unnatural sex on his seven-year-old niece three years ago.

Judge Syafeera Mohd Said ordered the 20-year-old man to serve the jail sentence immediately, and to undergo counselling throughout his imprisonment.

He was charged with committing carnal intercourse against the order of nature without consent on the victim at a house in Banting near here at 11.30pm on March 27, 2020.

The charge, under Section 377C of the Penal Code, provides for a maximum 20-year jail term and whipping.

Deputy public prosecutor Nur Ayuni Jamri appeared for the prosecution while the man was represented by counsel Muhammad Syawal Mohd Razak.

In the same court, Ahmad Iszhar Hardy, 20, was charged under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017 for sexual assault of his 17-year-old female friend. He pleaded not guilty.

– Bernama



TAJUK :	MAN GETS 15 YEARS FOR RAPING FRIEND'S DAUGHTER		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	THE SUN DAILY
TARIKH :	29 DIS 2023	M/SURAT :	05
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Man gets 15 years for raping friend's daughter

KLANG: The Sessions Court yesterday sentenced an unemployed man to 15 years' jail and ordered him to be given three strokes of the cane after finding him guilty of raping his friend's daughter last year.

Judge Syafeera Mohd Said passed the sentence on Mohamad Zainol Hafiz Mohamad Azmi, 26, after finding that the defence had failed to raise a reasonable doubt.

She ordered Mohamad Zainol Hafiz to serve the jail sentence immediately, and to undergo counselling throughout his imprisonment, as well as to be placed on a two-year probation supervision after completing his time.

He was charged with raping the 12-year-old girl at a house in Sawah Sempadan, Tanjung Karang at 4am on Feb 6, 2022.

The charge, under Section 376 (1) of the Penal Code, provides for a maximum 20-year jail term and whipping.

Deputy public prosecutor Nurul 'Izzati Mohamad appeared for the prosecution while Mohamad Zainol Hafiz was represented by counsel Izzat Amir Saharudin. – Bernama



TAJUK : GALERI SERAO AKAN DIBINA DI KAMPUNG TANAM, DALAT: FATIMAH

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 29 DIS 2023

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



RAKAM KENANGAN: Fatimah (baris depan, tengah) merakamkan kenangan bersama tetamu lain pada Sambutan Hari Krismas Kampung Tanam, Dalat baru-baru ini.

Galeri Seroa akan dibina di Kampung Tanam, Dalat: Fatimah

MUKAH: Sebuah Galeri Seroa akan dibina di Kampung Tanam, Dalat dengan peruntukan RM750,000 di bawah Program Transformasi Luar Bandar (RTP) 2024. Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, ia bakal dibina di atas tapak sebuah bangunan sekolah lama.

“Ia akan menjadi satu lagi destinasi tarikan pelancong ke

Dalat,” ujarnya sempena Sambutan Hari Krismas Kampung Tanam di dewan serbaguna kampung tersebut, baru-baru ini.

Menurutnya, sebahagian daripada galeri berkenaan akan digunakan untuk menempatkan maklumat mengenai ‘serao’ iaitu hasil kraf tangan tempatan dan pembuatannya. “Sebahagian lagi akan digunakan untuk tempat perniagaan dan kedai.

“Kawasan itu dipilih kerana terdapat beberapa perkara menarik di sekitarnya termasuk rumah belanga sagu, gereja dan tebingan sungai,” katanya.

Fatimah percaya dengan pembinaan galeri itu nanti, ia bakal mengubah landskap kampung tersebut dan Dalat secara keseluruhannya.

Selain itu, Fatimah turut menerangkan beberapa pembangunan yang bakal dilak-

sanakan di kawasan Dalat bagi tahun depan termasuk daripada Agensi Pembangunan Delta Rajang (RADDA).

Terdahulu, beliau hadir pada majlis bagi meraikan Hari Krismas bersama penduduk di Kampung Tanam yang terdiri daripada berbilang bangsa dan agama.

Turut hadir Penghulu Kampung Tanam Proper, Kampung Tanam Seberang dan Kampung Balan Josaphat Jepun.



TAJUK :	JENAZAH NURHASLINDA ABDULLAH AKAN DIBAWA PULANG DARI KOREA SELATAN 4 JAN INI		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	29 DIS 2023	M/SURAT :	01&02
STONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Jenazah Nurhaslinda Abdullah akan dibawa pulang dari Korea Selatan 4 Jan ini



BANTU: Abdul Hafiz (kanan) dan bapanya Abdullah Mat mengadakan sidang media menerusi penstriman langsung bersama Nancy. Gambar sisipan, Nurhaslinda.

KUCHING: Jenazah rakyat Sarawak, Nurhaslinda Abdullah yang meninggal dunia di Seoul, Korea Selatan pada 25 Disember lalu akan dibawa pulang pada 4 Januari ini.

Keputusan untuk membawa balik jenazah untuk dikuburkan di sini dipersetujui seluruh ahli keluarga semalam selepas perbincangan dengan pihak Pejabat Parlimen Santubong, Kedutaan Malaysia di Korea Selatan dan Wisma Putra.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang juga Ahli

Parlimen Santubong Dato Sri Nancy Shukri berkata, pihaknya mengucapkan takziah kepada keluarga arwah Nurhaslinda dan berterima kasih kepada pihak pejabat parlimennya yang memastikan urusan pengurusan jenazah berjalan lancar.

Katanya, meskipun berdepan dengan banyak kekangan termasuk kos tinggi, namun hasil sumbangan rakyat Malaysia berjumlah RM50,000 berjaya dikumpul bagi tujuan pengurusan jenazah.

"Pada awalnya keluarga bersetuju untuk (jenazah)

dikuburkan di Korea kerana memerlukan perbelanjaan yang besar untuk membawa balik jenazah.

"Pagi tadi (semalam), keluarga bersetuju untuk membawa balik jenazah ke Malaysia, dan saya berterima kasih kepada warga Malaysia yang turut menyumbang dalam hal ini," katanya pada sidang media menerusi penstriman langsung, semalam.

Sementara itu, abang arwah Abdul Hafiz Abdullah menyatakan rasa syukur dan berterima kasih kepada semua pihak yang membantu dalam

urusan membawa balik jenazah adiknya di Korea ke Malaysia.

Menurut Hafiz, dia menerima panggilan berhubung perkhabaran duka itu daripada Kedutaan Malaysia di Korea Selatan pada 25 Disember.

Katanya, ketika itu beliau berasa sebak, sedih menyelubungi dirinya ditambah dengan memikirkan kos perbelanjaan dan sebagainya.

"Alhamdulillah, terima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia yang membantu meringankan beban kami sekeluarga.



Jenazah Nurhaslinda Abdullah akan dibawa pulang dari Korea Selatan 4 Jan ini

► Dari Muka 1

"Terima kasih juga kepada YB (Nancy) dan juga Wisma Putra yang menolong keluarga kami," katanya.


Sebelum meninggal dunia, Hafiz berkata adiknya ada menghubunginya me-

maklumkan dirinya sakit dan meminta mendapatkan tiket untuknya pulang ke tanah air.

Namun katanya, pada sebelah petang kawan adiknya menghubunginya memaklumkan adiknya dimasukkan ke hospital dan dalam keadaan kritikal.

Hafiz kemudiannya menerima panggilan daripada pihak kedutaan memaklumkan adiknya sudah meninggal.

Nurhaslinda, 30, berasal dari Kampung Sejingkat di sini dan bekerja di sebuah kilang di Korea Selatan sejak September lalu.



TAJUK :	PAK CIK LIWAT ANAK SAUDARA DIPENJARA 10 TAHUN, TIGA SEBATAN		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	29 DIS 2023	M/SURAT :	10
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Pak cik liwat anak saudara dipenjara 10 tahun, tiga sebatan

KLANG: Seorang pembantu restoran dijatuhi hukuman penjara 10 tahun dan tiga sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, setelah didapati bersalah meliwat anak saudara perempuannya berusia tujuh tahun, di sebuah rumah di Banting, Selangor, tiga tahun lepas.

Hakim Syafeera Mohd Said memerintahkan tertuduh yang berusia 20 tahun itu, dipenjara dari tarikh jatuh hukum semalam, selain mengenakan perintah kaunseling sepanjang tempoh pemenjaraan serta pengawasan polis selama dua tahun selepas

tamat tempoh hukuman.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa dengan sengaja melakukan persetubuhan bertentangan dengan aturan tabii iaitu meliwat seorang kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun di sebuah rumah di Banting, dekat sini pada 11.30 malam, 27 Mac 2020.

Dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 377C Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang lima tahun dan maksimum 20 tahun dan hendaklah juga dihukum dengan sebatan.

Terdahulu, peguam Muhammad Syawal Mohd Razak yang mewakili tertuduh merayu supaya anak guamnya dikenakan bon berke-lakuan baik dengan alasan lelaki itu masih muda.

Selain itu, tertuduh juga katanya tiada rekod lampau dan dia merupakan anak bongsu daripada 11 beradik yang telah hilang tempat bergantung selepas menjadi yatim piatu sejak berusia tujuh tahun.

Timbalan Pendakwa Raya Nur Ayuni Jamri bagaimanapun menegaskan perlakuan tertuduh yang meliwat

mangsa menunjukkan bahawa dirinya tiada sifat ihsan dan belas kasihan terhadap kanak-kanak.

"Pihak pendakwaan memohon mahkamah mengambil kira kekerapan kes-kes jenayah berbentuk seksual terhadap kanak-kanak yang semakin meningkat dan berleluasa terutama sekali di Selangor. Hukuman berat dan berbentuk pengajaran perlu dikenakan kepada tertuduh agar insaf dan tidak sesekali mengulangi kesalahan jijik dan hina seperti ini," katanya.

Sepanjang prosiding per-

bicaraan bermula 3 April lepas, seramai enam saksi masing-masing dikemukakan pihak pendakwaan dan pembelaan.

Di mahkamah sama, seorang pembantu gerai mengaku tidak bersalah melakukan amang seksual fizikal terhadap rakan perempuannya berusia 17 tahun di sebuah pangsapuri di Bandar Saujana Putra, Kuala Langat pada 1 tengah hari, 29 Okt lepas.

Ahmad Iszhar Hardy, 20, didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Ke-

salahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh dihukum dengan hukuman sebat, jika sabit kesalahan.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan perlu melaporkan diri di balai polis berdekatan setiap bulan selain tidak dibenarkan mengganggu mangsa.

Syafeera menetapkan 2 Feb depan sebagai tarikh sebutan semula kes. — Bernama



TAJUK : PENGANGGUR DIPENJARA 15 TAHUN ROGOL ANAK KENALAN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 29 DIS 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Penganggur dipenjara 15 tahun rogol anak kenalan

Pihak pembelaan didapati gagal menimbulkan keraguan munasabah pada akhir kes pembelaan

KLANG: Seorang penganggur dihukum penjara 15 tahun dan tiga sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas didapati bersalah merogol anak kenalannya, tahun lepas.

Hakim Syafeera Mohd Said menjatuhkan hukuman itu ke atas Mohamad Zainol Hafiz Mohamad Azmi, 26, selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah pada akhir kes pembelaan.

Syafeera memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara bermula semalam, selain mengenakan perintah kaunseling sepanjang tempoh pemenjaraan dan pengawasan selama dua tahun selepas tamat tempoh hukuman.

Mengikut kertas pertuduhan, Mohamad Zainol didakwa merogol seorang kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun di sebuah rumah di Sawah Sempadan, Tanjong Karang, dekat sini pada 4 pagi, 6 Feb 2022.

Dia didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksamaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan hendaklah juga dikenakan sebat.

Isterinya yang berada di galeri awam dilihat menngis teresak-esak sebaik mahkamah menjatuhkan hukuman itu.

Terdahulu, peguam Iz-zat Amir Saharudin yang mewakili tertuduh merayu hukuman ringan dengan alasan anak guamnya mempunyai tanggungan iaitu isteri dan

“Mangsa juga mempunyai hubungan rapat dengan isteri dan anak-anak tertuduh. Sebagai orang dewasa sepatutnya menjaga dan melindungi kanak-kanak dan bukannya mengambil kesempatan ke atas mangsa yang berumur 12 tahun dengan melakukan perbuatan terkutuk.”

Nurul 'Izzati Mohamad
Timbalan Pendakwa Raya



BERSALAH: Mohamad Zainol (kanan) dihukum penjara 15 tahun dan tiga sebatan oleh Mahkamah Sesyen Klang semalam selepas didapati bersalah merogol anak kenalannya dua tahun lalu di Klang. — Gambar Bernama

tiga anak yang masih kecil. “Ini adalah kesalahan kali pertama tertuduh, tertuduh kini tidak bekerja berikutan sukar mendapat pekerjaan selepas terikat dalam kes ini. Sebarang bentuk pendapatan hanya datang daripada isterinya yang berniaga,”

katanya.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya Nurul 'Izzati Mohamad memohon hukuman berat dengan alasan ia adalah kesalahan yang serius dan berat selain kes itu melibatkan mangsa bawah umur.

“Mangsa juga mempunyai hubungan rapat dengan isteri dan anak-anak tertuduh. Sebagai orang dewasa sepatutnya menjaga dan melindungi kanak-kanak dan bukannya mengambil kesempatan ke atas mangsa yang berumur 12 tahun dengan melakukan perbuatan terkutuk,” katanya.

Seramai enam saksi pendakwaan dan tiga saksi pembelaan termasuk tertuduh dipanggil memberi keterangan pada perbicaraan yang bermula pada 4 Sept lepas. — Bernama